

**[www.korbanaqiqah.com.my](http://www.korbanaqiqah.com.my)**



**Tahun ke 12**

**Laporan  
Program Korban  
Eidul Adha &  
Aqiqah Di  
Kemboja 1426H**



**AL-AIMEEN SERVE HOLDINGS (SDN BHD)**  
2-1, Tingkat 1, Jalan 9-23A, Medan Makmur Off  
Jalan Usahawan 53200 Setapak Kuala Lumpur.  
Tel: 603-4143 4343 Faks: 603-4149 1414  
No. Lesen: AJL 931362 Emel: alameen@tm.net.my



**YAYASAN PEMBANGUNAN UMAT ISLAM KEMBOJA**  
No. 144, Street 146 on Moa Tse Toung Boulevard Group  
8 Sangkak Toek Laak II, Khan toul Kauk, Phnom Penh,  
Cambodia. Tel (855 11) 809 456 Faks: (855 23) 880 940  
Emel: Zakaryya@yahoo.com



## LAPORAN PENGERUSI

“Tidak akan sampai kepada Allah daging-dagingnya dan tidak pula darah-darahnya, tetapi yang sampai kepada Allah ialah ketakwaan kamu.” *maksud al-Haj : 37*

*Allahu akbar Allahu akbar Allahu Akbar walillahilham...*




“Program Korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja 1426H telah selamat dilaksanakan. Pada tahun ke-12 program ini, 1377 ternakan Korban dan Aqiqah serta 4 ternakan Nazar telah disempurnakan di seluruh Kemboja. Agihan mengikut jenis ibadah dan ternakan dan perbandingan dengan tahun lepas ialah seperti berikut:

KORBAN		
Ternakan	1426H	1425H
Lembu	898	883
Kambing	63	8
AQIQAH		
Lembu	172	171
Kambing	244	115



Pada Hari Raya Eidul Adha, 10 Januari 2006 bersamaan 10 Zulhijjah 1426H ternakan korban mula disebelih dan daging-daging korban diagihkan kepada semua keluarga Islam di kemboja. Daging aqiqah pula telah dimanfaatkan untuk jamuan kahwin, jamuan untuk masyarakat Islam dan jamuan sempena perasmian masjid.”

  
**Haji Che Mazlan Saad**  
*Pengerusi Program Eidul Adha & Aqiqah Di Kemboja 1426H*



Penyerahan sijil korban dan wang untuk pembelian lembu kepada imam-imam masjid di Prek Bak, Kampong Cham.



Haji Hidup (Brunei), Haji Abd. Rani (M'sia), Ustaz Haji Md Iskandar (S'pura), para peserta program korban dan aqiqah di Kemboja.

## PENGESAHAN MUFTI KERAJAAN KEMBOJA

❖ “Tidak ada satu amalan yang paling dicintai Allah daripada Bani Adam ketika Hari Raya Eidul Adha selain menyembelih haiwan korban.” *maksud hadith Nabi.*



“Bahawasanya saya dengan ini mengesahkan pelaksanaan ibadah Korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja pada tahun 1426H telah disempurnakan mengikut hukum-hukum syariat Islam.” *Petikan surat pengesahan Mufti Kerajaan Kemboja Okhna Haji Kamaruddin Yusof.*



Surat Pengesahan pelaksanaan Korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja 1426H daripada Mufti Kemboja.



“Bermurah hatilah kamu terhadap orang-orang di bumi agar yang di langit bermurah hati denganmu.” *maksud hadith*



Penyembelihan korban di perkaranan masjid al-Makmur, Kompong Chhnang.



TYT Adnan Othman Duta Besar Malaysia dan Okhna Othman Hassan Penasihat Perdana Menteri Kemboja.



## MAJLIS PERASMIAN KORBAN EIDUL ADHA & AQIQAH 1426H

❖ “Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah, Tuhan semesta alam. Tidak ada sekutu bagi-Nya dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang pertama menyerahkan diri kepada Allah.” *maksud al-An'am : 162*

Majlis perasmian diadakan pada Hari Raya Korban 10 Zulhijjah 1426H bersamaan 10 Januari 2006 di Masjid al-Makmur, Chrork Ramiet, Chhouk Sar, Kg Tralach, Wilayah Kompong Chhnang.

“Gagal dan rugilah sesiapa yang hatinya tidak dianugerahkan sifat pemurah sesama manusia oleh Allah”  
*maksud hadith*



“Tidak ada suatu amalan yang paling dicintai oleh Allah daripada Bani Adam ketika Hari Raya Eidul Adha selain menyembelih haiwan korban”  
*maksud hadith*



Mufti Kerajaan Kemboja pada Hari Raya Eidul Adha.



Puan Maznah, Puan Hilaliah dan Puan Noraina dari Malaysia bersama melihat daging-daging korban dilapah.

❖ “Maka makanlah olehmu sebahagian daripadanya dan sebahagian lagi berikanlah untuk dimakan oleh orang yang sengsara lagi fakir.” *maksud al-Haj : 28*

Sohibus Samahah Mufti Kerajaan Kemboja menetapkan agihan seekor lembu korban atau aqiqah bagi setiap 100 buah keluarga dalam sesuatu kampung untuk diagihkan pada Hari Raya Eidul Adha. Mengikut sunnah daging korban diagihkan dalam keadaan belum dimasak manakala daging aqiqah pula dimasak dan diadakan jamuan.



Jawatankuasa Agihan Daging Korban disusun di setiap kampung agar setiap keluarga dalam kampung tersebut dapat merasai daging korban walaupun sedikit.

“Muliakanlah korban-korbanmu kerana nanti ia menjadi kenderaan kamu ketika melalui titian Siratal-Mustaqim.”  
*maksud hadith.*



Haji Che Mazlan bersama Mufti Kemboja membuat agihan daging korban.



Puan Zaharah Mahmoodin dari Perak sedang mengagihkan daging korban.



## JAMUAN AQIQAH SEPANJANG TAHUN

“Tiap-tiap anak itu tertebus (terpelihara daripada kemudaratan dan kemungkaran) dengan aqiqahnya yang disembelih untuk dia ketika hari ketujuh dan dicukur, lalu diberi nama.” *maksud hadith.*

Pelaksanaan ibadah Aqiqah dilaksanakan sepanjang tahun. Penyertaan A001 disempurnakan pada 5 Februari 2005 di As-Syahid Khabab II Svay Khleang Krochmar, Kg. Cham, Kemboja dan penyertaan akhir bagi tahun 1426H disempurnakan pada 13 Januari 2006 di masjid Jami-ul ‘Akla, Pongro,Pongro, Chhlong, Wilayah Kratie.

Jamuan kenduri aqiqah dimanfaatkan untuk berbuka puasa, jamuan kahwin serta program kemasyarakatan seperti perasmian masjid, jamuan untuk murid-murid madrasah serta program ceramah mufti.



“ Sesungguhnya rahmat Allah sangat dekat kepada orang yang berbuat baik.”  
*maksud al-A’raf : 56*



Anak-anak kecil sedang menikmati jamuan aqiqah di Battambang.



Jamuan aqiqah juga disempurnakan pada bulan Ramadhan di masjid ar-Rahmani, Chruoy Metrey Leu,Wilayah Kandal.

## PROGRAM BERBUKA PUASA DI KEMBOJA

“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menderma sebahagian apa yang kamu sayangi.”  
*maksud al-Imran: 92*

Sumbangan yang diterima oleh Mufti Kerajaan Kemboja mencukupi untuk jamuan berbuka puasa dilaksanakan di seluruh kampung-kampung Islam di Kemboja. Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. telah menyalurkan RM33,418.50. Juga pihak Mufti telah menerima sumbangan daripada Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia dan Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia.



Ibadah Aqiqah telah disempurnakan bagi para peserta untuk sijil A068 - A181 pada bulan Ramadhan 1426H ini:

Lembu Aqiqah	:	49 ekor
Kambing Aqiqah	:	65 ekor
Sedekah / Nazar	:	2 ekor

“Tiap-tiap sesuatu ada kuncinya, dan kunci syurga itu adalah mengasih fakir miskin” *maksud hadith*



Semangat gotong-royong masih kuat di kalangan umat Islam di Kemboja.



Wakil Telekom Malaysia Ustaz Hj Mohd Zakuan bin Tak sama-sama membantu memasak juadah berbuka puasa.

## TEMPAT PERLAKSAAN IBADAH KORBAN & AQIQAH



Layari [www.korbanaqiqah.com.my](http://www.korbanaqiqah.com.my) untuk senarai terperinci mengikut nombor sijil korban dan aqiqah, masjid, kampung, mukim, daerah dan wilayah.

# KETENTUAN MUFTI KERAJAAN KEMBOJA

## Syarat Perlaksanaan Ibadah Korban & Aqiqah

### Penerimaan Sijil Nama-Nama Peserta Korban & Aqiqah Serta Wang Bagi Pembelian Lembu Atau Kambing.

Tanggungjawab ini hanya akan diserahkan kepada imam-imam Masjid, guru agama dan wakil-wakil urusan yang dipilih oleh Mufti Kerajaan Kemboja.

### Syarat-syarat Lembu Korban & Aqiqah

Lembu untuk ibadah Korban & Aqiqah hendaklah berumur lebih 2 tahun, tidak sakit, tidak cacat, tidak kurus, tidak buta dan tidak bunting.

### Penjagaan Lembu

Lembu yang telah dibeli hendaklah disimpan di tempat yang selamat, diberi makan dan minum yang secukupnya, dijaga kesihatannya dan tidak digunakan untuk kerja-kerja.



Mengambil wuduk di kolam masjid wilayah Kampot

**Nama Peserta Korban & Aqiqah**  
Lebih baik nama-nama peserta Korban & Aqiqah yang ada pada sijil-sijil yang telah diserahkan itu ditulis pada papan hitam semasa penyembelihan. Ambil foto (jika boleh).

### Persiapan Lembu Korban & Aqiqah

Lembu-lembu hendaklah dahulu dibersihkan dengan air sebelum dibawa ke tempat penyembelihan iaitu di kawasan masjid atau surau. Peralatan penyembelihan dan pelapahan disediakan dahulu dan dibawa bersama.

### Pengumuman Korban & Aqiqah

Pengumuman kepada semua penduduk kampung hendaklah dibuat berkenaan ibadah Korban & Aqiqah yang akan disempurnakan.

### Penyembelihan

Pisau yang tajam hendaklah digunakan dengan lembu Korban & Aqiqah diikat dengan baik. Lembu dan penyembelih hendaklah mengadap kiblat. Mulakan dengan Bismillah dan boleh juga diiringi dengan salawat Nabi dan doa. Niat penyembelihan ialah untuk peserta-peserta yang namanya ada pada sijil.

### Agihan Daging Korban

Daging lembu korban hendaklah diagih-agihkan dengan adil kepada penduduk kampung.

### Jamuan Aqiqah

Daging lembu Aqiqah hendaklah dimasak serta jamuan diadakan di masjid atau surau atau di tempat-tempat lain yang dipersetujui oleh Mufti atau Ketua Urus Setia.

### Sijil Pengesahan Pelaksanaan

Selepas ibadah Korban & Aqiqah disempurnakan, Sijil Pelaksanaan Korban & Aqiqah hendaklah dikembalikan kepada Ketua Urus Setia dengan kadar yang segera.



## MAJLIS PERASMIAN MASJID & DERMA PERIGI

“Katakanlah sesungguhnya sembahyangku, ibadahku dan matiku hanya untuk Allah, Tuhan semesta alam.” *maksud al-An'am : 162.*

Perasmian Masjid merupakan budaya umat Islam Kemboja untuk mengembangkan syiar Islam dalam negara yang bilangan umat Islamnya 5% daripada jumlah 13 juta rakyat Kemboja. Ternakan Aqiqah & Korban disembelih dan jamuan diadakan untuk meraikan ribuan penduduk kampung yang hadir pada masjid-masjid yang berkenaan.

Musim kemarau di Kemboja boleh berlanjut sehingga enam bulan. Perigi merupakan keperluan asasi penduduk kampung.

Perasmian masjid pada tahun 1426H



Masjid	Kampung	Mukim	Daerah	Wilayah
At-Taqwah	Trapeang Khtom	Chhouk Sar	Tralach	Kg. Chhnang
Al-Mubarak	Islam	Banteany Dey	Kandiang	Pursat
Othman bin Affan	Dangkiep Kdam	Chheu Tom	Krakor	Pursat



Gotong royong penduduk kampung bagi perasmian masjid at-Taqwah, Kampong Chhnang.



Hanya RM380 untuk telaga pam yang disumbangkan oleh peserta korban dan aqiqah dari Malaysia.

“Bukankah korban itu termasuk ibadah yang menyelamatkan orang yang empunyanya daripada kejahanan dunia dan akhirat.” *maksud hadith*

Pada tahun ini, Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia (BAKIT) dan juga Surau Al-Mardhiah, Taman Melawati, Selangor telah menganjurkan program Korban Eidul Adha di Kemboja yang diuruskan oleh Al-Ameen.



“ Sesungguhnya  
rahmat Allah  
sangat dekat  
kepada orang yang  
berbuat baik.”  
*maksud al-A'raf :*

56

17 ekor lembu korban telah disempurnakan bagi pihak Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia (BAKIT). 4 ekor lembu Korban, 2 ekor kambing Aqiqah dan 8 bahagian lembu Aqiqah telah disempurnakan untuk ahli jemaah Surau Al-Mardhiah.



Wakil Telekom Malaysia Ustaz Haji Zakuan Tak sedang menyampaikan sumbangan berbuka puasa di Kemboja.



Lembu dari ibadah korban berkelompok juga disempurnakan pada perasmian Program Korban Eidul Adha & Aqiqah.



## ROMBONGAN PARA PESERTA DI KEMBOJA

“Katakanlah (Wahai Muhammad) : “Berjalanlah kalian di muka bumi, kemudian perhatikanlah...” *maksud al-An’am : 11*

“Majlis korban yang dilakukan amat baik, cara pembahagiannya sangat baik. Kami berpuas hati dapat mengikuti majlis korban dari tempat ke satu tempat (masjid dan kampung).”

*Hjh Haminah Haji Ashari*

“Suatu program yang banyak memberi pengalaman baru dan pendedahan terhadap umat Islam yang memerlukan bantuan di tempat lain. Perlu diadakan untuk memberi kesedaran kepada orang lain”.

*Sharifah Alwiyah bt Syed Abd Rahman*



### Ahli Rombongan ke Kembaja 9 hingga 14 Januari 2006 :

Haji Che Mazlan Saad, Ust Mohd. Iskandar MYA, Ustazah Norwariza Mohd. Hed, Nor Azlin bin Ngah,Nor Anita Megat Mohd. Nordin, Luqman Hisyam Che Mazlan, Fadhlullah Zakarryya Adam, Maheran bt Hatta, Puteri Norhanim, Puteri Mohaini, Mohamad Sufian, Mohammad Salehuddin, Athan Rose, Haji Zahrul Nizam Abdul Majid, Hajah Hilaliah Hj. Abd Rahim, Hamdan bin Mohd, Noraina Abd. Rahim, Maznah Mohd. Nazim, Hj. Hamidi @ Abdul Rani, Rokeah Mohd Isa, Azizah Abd. Mulok,Abdullah bin Umar, Rokiah Hj. Abd. Aziz, Hajah Zaharah Hj. Mahmoodin, Hj. Abdul Majid Mohd. Hashim, Hj. Hidup @ Hj. Dollah bin Lamit, Hajah Haminah Haji Ashari, Zainab Shamsuddin, Zulkifly Mohd. Yusof, Norhanita bt Kayat, Rashid bin Ramli, Zaharah Zulkifly, Syed Hassan bin Syed Idris, Sharifah Alawiyah Syed Abd Rahman, Arilzoh Mukhtar, Awang Minai, ‘Ammar Awang



“Program yang sungguh memberi erti dalam usaha menyebarkan syiar Islam.” *Hjh. Zaharah Hj. Mahmoodin*



“Semoga bertambah ramai lagi para peserta yang akan ikut program akan datang.” *Arilzoh Mokhtar*

❖ “Gagal dan rugilah sesiapa yang hatinya tidak dianugerah sifat pemurah sesama manusia oleh Allah.” *maksud hadith*

Masalah utama yang dihadapi oleh Kemboja ialah kemiskinan dan tahap serta kemudahan pendidikan yang rendah. Pada setiap tahun kursus-kursus pendek disusun sempena program korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja.



“Dan Allah itulah  
yang lebih baik dan  
lebih kekal ( balasan  
pahalanya)”  
*maksud Taha : 73*

Tiga kursus yang dilaksanakan ialah :

Kursus Bacaan al-Quran bertajwid yang dikendalikan oleh Ustaz Hj Md Iskandar MYA, Kursus Mengajar Kaedah Cepat Membaca Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Ustazah Norwariza Mohd Hed dan Kursus Memasak Nasi Lemak Ala Malaysia yang dikendalikan oleh Hjh Puteri Norhanim Megat Yunus.



Kursus tajwid untuk guru-guru agama di Kemboja telah dikendalikan oleh Ustaz Hj Md Iskandar MYA.



Kursus memasak nasi lemak ala Malaysia telah dikendalikan oleh Hjh Puteri Norhanim Megat Yunus.



## PENYAMPAIAN LAPORAN KEPADA KEDUTAAN MALAYSIA

“Jika kamu bersyukur, nescaya Ku-tambahkan nikmat kepadamu, tetapi jika kamu ingkar, maka sesungguhnya azab-Ku amat pedih.” *maksud Ibrahim : 7*

Pada tanggal 17 Januari 2006, laporan program yang menyenaraikan tempat-tempat pelaksanaan ibadah Korban & Aqiqah mengikut nombor sijil penyertaan telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Hj. Zakaryya Adam, Ketua Urus Setia Program Korban & Aqiqah di Kemboja merangkap Setiausaha Negara Kementerian Agama dan Kepercayaan Kemboja kepada Tuan Yang Terutama Adnan Othman, Duta Besar Malaysia, Embassy of Malaysia di Phnom Penh, Kemboja.

“Ya Tuhanaku,  
lapangkanlah dadaku  
dan mudahkanlah  
segala urusanku...”  
*maksud Taha : 25-26*



Salinan laporan kepada Kedutaan Malaysia juga dihantar kepada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.



Ziarah hormat peserta dari Malaysia ke Kedutaan Malaysia, Phnom Penh, Kemboja.



Penyampaian sijil-sijil korban dan aqiqah oleh Penasihat Perdana Menteri Kemboja kepada imam wilayah Kandal.

## URUS SETIA PROGRAM KORBAN & AQIQAH

Penyampaian hadiah kepada pelajar cemerlang Madrasah an-Nikmah, Phnom Penh.



Lembaga Penasihat : Sohibus Samahah Okhna Haji Kamaruddin Yusof, Mufti Kerajaan Kemboja, Okhna Haji Othsman Hassan, Penasihat Perdana Menteri dan Haji Zakaryya Adam, Setiausaha Negara Kementerian Agama dan Kepercayaan.

### Pengerusi :

Haji Che Mazlan Saad  
*Pengerusi Eksekutif.*

**Pembantu Khas Pengerusi & Ketua Urus Setia di Malaysia :**  
Ustazah Norwariza Mohd Hed.

### Urus Setia di Malaysia :

Iriani Asnawi  
Zairani A. Hamid  
Zamzurilariha Anuar  
Norfadhilah Zakaria  
Siti Faizura Abd. Rahman  
Mohd. Rohaizal Hamid  
Nor Azlin Ngah  
Zulhalimi Anuar Mohammad  
Habib Benhadria  
Mohd Azam Supardi  
Jamilah Mokter  
Luqman Hisyam Che Mazlan  
Noor Shafinah Hairus Saleh

**Ketua Urus Setia di Kemboja :**  
Haj Zakaryya Adam  
Setiausaha Negara Kementerian Agama & Kepercayaan

### Ketua Keselamatan :

Haji Sabri Kassim  
Timbalan Gabenor Wilayah Kompong Cham

### Wakil Urusan di Kompong Chhnang :

Haji Hashim Yunus,  
Imam Daerah

**Wakil Urusan di Phnom Penh, Kandal, Takeo, Prey Veng, Svay Rieng, Kg Speu :**

Ustaz Yusof Yahya,  
Pembantu Khas Mufti.  
Ustaz Abdul Wahid Abdullah,  
Guru Agama.  
Raihan Kamaruddin  
Pembantu Khas Mufti

### Wakil Urusan di Kompong Cham :

Haji Sabri Kassim  
Timbalan Gabenor Wilayah Kompong Cham.  
Ustaz Zahari Mohd. Daud,  
Guru Agama.

### Wakil Urusan di Kerachih :

Tuan Yusuf Said, Ahli Majlis Syura.

**Wakil Urusan di Pursat, Battambang & Bondeay Mean Chey :**  
Hj Musa Sulaiman, Ahli Majlis Syura.

**Wakil Urusan di Kampot & Kompong Som, Koh Kong :**  
Ustaz Zuhri, Ahli Majlis Syura.

**Wakil Urusan di Kompong Thom :**  
Haji Zuhdi Yusuf, Ahli Majlis Syura.

**Wakil Urusan di Siemreap :**  
Ustaz Musa Salleh, Ahli Majlis Syura.

**Wakil Urusan di Rattanakiri, Mondul Kiri :**  
Ustaz Syukri Kassim, Guru Agama.



*Anak kecil menjemur  
ikan kering*

**“Bermurah hatilah kamu terhadap orang-orang di bumi agar yang di langit bermurah hati kepadamu” maksud hadith**